

19 AUG 1997

Mahathir-MSK

PM AKAN JELAS MENGENAI MSK KEPADA SELURUH RAKYAT BULAN DEPAN

SHAH ALAM, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjelaskan konsep Koridor Raya Mult Media (MSK) kepada seluruh rakyat melalui semua rangkaian televisyen dan radio kerajaan dan swasta pada pertengahan bulan depan, kata Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Katanya, ucapan utama Perdana Menteri itu diatitkan sebagai usaha kerajaan untuk mematahkan kempen pihak dalaman dan luar negara yang berusaha untuk mengelirukan rakyat dengan menyebarkan berita bahawa MSK akan gagal dan ia akan wujud sebagai mimpi sahaja.

"Kita fikir perlu Perdana Menteri sebagai pengasas dan penggerak MSK menjelaskan kepada rakyat mengenai MSK sebab kita nampak masih ada orang kita yang belum faham tentang MSK dan ada juga kempen seluruh dunia untuk melemahkan agenda utama negara itu," katanya.

Mohamed berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Teknologi Maklumat anjuran Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif Institut Teknologi Mara (ITM) di sini, hari ini.

Dalam hubungan itu, katanya, semua stesen televisyen dan radio swasta diminta supaya memperuntukkan waktu siaran utama (prime time) bagi Perdana Menteri menyampaikan penjelasan beliau kepada seluruh negara serentak dengan rangkaian kerajaan.

Mohamed berkata tarikh sebenar bagi Perdana Menteri menyampaikan ucapannya itu masih belum ditentukan dan ia terpulung kepada Perdana Menteri untuk menentukannya.

Beliau berkata kempen mempromosikan MSK adalah usaha kerajaan yang berterusan melalui media elektronik, media cetak serta melalui berbagai program perjumpaan secara bersemuka.

Katanya, penglibatan menyeluruh oleh semua pihak dalam kempen MSK ini adalah penting bagi merealisasikan agenda utama negara untuk mengembangkan teknologi maklumat (IT).

Mohamed berkata kerajaan percaya bahawa IT melalui penubuhan MSK yang berfokuskan teknologi multimedia adalah merupakan satu cara terbaik untuk penyediaan struktur ekonomi supaya menjadi lebih maju untuk bersaing di pasaran dunia.

Katanya, beliau tidak nampak mengapa projek MSK tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya sedangkan rakyat Malaysia kini telah matang serta boleh memahami dan menerima program-program kerajaan yang terbukti berjaya membangunkan negara sejak mencapai kemerdekaan 40 tahun lepas.

"Dengan pengalaman yang ada serta semangat dan jiwa yang kuat rakyat Malaysia, MSK ini akan menjadi satu realiti," katanya sambil menambah bahawa ekonomi yang berasaskan IT adalah ekonomi alaf baru dan rakyat Malaysia tidak boleh lari daripada menyertai kegiatan IT.

Sementara itu, Mohamed menegaskan bahawa Kementerian Penerangan dan jabatan di bawahnya tidak akan melayani sebarang surat menyurat yang dihantar menggunakan Bahasa Inggeris kecuali dari rakyat luar yang tidak memahami Bahasa Malaysia.

Katanya, ini kerana pada waktu ini terdapat kecenderungan di kalangan orang ramai yang terlalu mengutamakan Bahasa Inggeris ketika berurusan dengan jabatan kerajaan.

"Ada trend sekarang ini, kerana kita kata Bahasa Inggeris juga penting, orang berurusan dengan kerajaan dalam Bahasa Inggeris... saya fikir ini tidak melambangkan semangat cinta Malaysia," katanya ketika berucap pada

majlis itu.

Katanya walaupun penguasaan Bahasa Inggeris digalakkan, rakyat juga harus menghormati Bahasa Malaysia sebagai simbol yang penting menjadi kebanggaan negara.

Minggu teknologi maklumat yang bertemakan "IT:Approaching New Millenium (IT: Memasuki Alaf Baru)" Milinium itu dianjurkan untuk mendedahkan pelajar ITM kepada kepentingan IT di masa depan -- BERNAMA

Km WAT